



HUBUNGAN KECEKAPAN KOMPUTER KENDIRI
MENGUNAKAN MODUL *SPREADSHEET*
BELANJAWAN TERHADAP MINAT DAN
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
PERAKAUNAN KOLEJ
MATRIKULASI



ARMIZAWANI BINTI MOHAMED BUANG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



HUBUNGAN KECEKAPAN KOMPUTER KENDIRI MENGGUNAKAN MODUL
SPREADSHEET BELANJAWAN TERHADAP MINAT DAN PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR PERAKAUNAN KOLEJ MATRIKULASI

ARMIZAWANI BINTI MOHAMED BUANG

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنرسیتی فندیدیقن سلطان ادریس

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja
Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan) Februari (bulan) 2023

Perakuan pelajar:

Saya, ARMIZAWANI BINTI MOHAMED BUANG, M20191000257 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk HUBUNGAN KECEKAPAN KOMPUTER KENDIRI MENGGUNAKAN MODUL SPREADSHEET BELANJAWAN TERHADAP MINAT DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PERAKAUNAN KOLEJ MATRIKULASI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR. SHARUL EFFENDY BIN JANUDIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN KECEKAPAN KOMPUTER KENDIRI MENGGUNAKAN MODUL SPREADSHEET BELANJAWAN TERHADAP MINAT DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PERAKAUNAN KOLEJ MATRIKULASI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA (PERAKAUNAN).

28/2/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيتي فئدديقئ سلطان ادرئس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN KECEKAPAN KOMPUTER KENDIRI MENGGUNAKAN
MODUL SPREADSHEET BELANJAWAN TERHADAP MINAT DAN
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PERAKAUNAN KOLEJ
MATRIKULASI

No. Matrik / Matric's No.: M20191000257

Saya / I: ARMIZAWANI BINTI MOHAMED BUANG
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 28/02/2023

(Tandatangan Penyelia / Supervisor)

& (Nama & Don Resmikan Nama & Official Stamp)
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN



Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat menyempurnakan tesis ini setelah menempuh pelbagai rintangan dan ujian. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Sharul Effendy Janudin (PhD) Pensyarah Kanan Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi selaku penyelia saya yang telah memberi tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan motivasi untuk memastikan tesis ini dapat disiapkan mengikut piawaian dan jangka masa waktu yang ditetapkan. Semangat yang kental dan kepimpinan berkesan yang ditunjukkan oleh para pensyarah memotivasikan diri saya untuk memajukan dan menambah ilmu serta memberi pengalaman baru untuk dihadapi pada masa akan datang. Penghargaan dan terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ini melalui biasiswa (Hadiah Latihan Persekutuan). Tidak lupa juga kepada organisasi pendidikan serta individu yang terlibat kerana memberi sokongan dan kerjasama dari segi dokumentasi serta pengumpulan data walaupun pada mulanya menghadapi kekangan berikutan situasi pandemik Covid-19 yang melanda. Ribuan terima kasih juga keluarga tersayang kerana sentiasa mendoakan kejayaan, memahami dan memberikan sokongan padu serta semangat untuk terus melanjutkan pelajaran sehingga tercapai. Tidak lupa juga kepada sahabat handai yang sanggup berkongsi dari segi idea, pengalaman dan juga mendengar luahan hati sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Akhir kata diucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Jasamu semua dikenang dan semoga tesis ini memberi manfaat kepada semua.





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengetahui kesan penggunaan Modul *Spreadsheet* Belanjawan sebagai moderator terhadap hubungan kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik dan minat pelajar Jurusan Perakaunan di Kolej Matrikulasi. Reka bentuk utama yang digunakan dalam kajian ini adalah kuasi eksperimen. Populasi kajian adalah terdiri daripada semua pelajar kursus Perakaunan semester dua di Kolej Matrikulasi Pahang. Pelajar yang dipilih secara rawak merangkumi 60 orang bagi kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan. Tempoh pelaksanaan kajian ialah lapan minggu. Instrumen yang digunakan adalah modul, soalan ujian pra dan pasca serta soal selidik. Data dianalisis menggunakan ujian T-test, koefisien korelasi *Pearson Spearman's rho*, regresi linear berganda dan demografi bentuk peratus dan skor min. Skor min pelajar yang menggunakan Modul *Spreadsheet* Belanjawan adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca dengan $t(118) = -60.786$, $p < .05$. Analisis korelasi *Pearson Spearman's rho* menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik $r = .163$, $p = .214$, $p > .05$ namun terdapat hubungan signifikan terhadap minat pelajar $r = .365$, $p = .004$, $p < .05$. Manakala analisis regresi berganda mendapati bahawa pelajar perakaunan perlu guna modul *spreadsheet* kerana ianya memberi kesan moderator yang positif terhadap hubungan kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik $\beta = -.465$, $p = .000$ dan minat $\beta = .345$, $p = .010$ berada di aras signifikan Sig F = $p < .05$. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dengan keupayaan kemahiran *spreadsheet* yang minimum dapat ditingkatkan pencapaian akademik dan minat selepas menggunakan Modul *Spreadsheet* Belanjawan. Implikasi kajian menunjukkan pendekatan penggunaan modul sebagai moderator dapat memberi kesan yang positif dalam membantu pelajar memperoleh kemahiran *spreadsheet* dalam topik Belanjawan. Kajian lanjutan untuk mengkaji Modul *Spreadsheet* Belanjawan sebagai mediator dalam hubungan kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian pelajar serta memperluaskan sampel kajian.





RELATIONSHIP BETWEEN COMPUTER SELF-EFFICACY THROUGH THE MODULE SPREADSHEET BUDGET ON THE INTERESTS AND ACADEMIC ACHIEVEMENT OF ACCOUNTING STUDENTS AT COLLEGE OF MATRICULATION

ABSTRACT

This study aims to determine the effects of using the Module Spreadsheet Budget as a moderator on the relationship between computer self-efficacy with students' academic achievement and interest accounting course at Matriculation College. The main design used in this study was quasi-experimental. The study population was comprised of all students of the second semester accounting course at the Pahang Matriculation College. 60 students were chosen randomly in both treatment and control group. The study implementation period was eight weeks. The instruments used were module, pre-test and post-test questions and questionnaires. The data were analyzed using T-test, Pearson Spearman's rho correlation coefficient, multiple linear regression and demographics in the form of percentages and mean scores. The findings of the study showed that the mean score of students using the Module Spreadsheet Budget was significantly higher compared to the control group in the post-test with $t(118) = -60.786, p < .05$. Pearson Spearman's rho analysis showed no significant relationship between computer self-efficacy with academic achievement $r = .163, p = .214, p > .05$ but there was a significant relationship between student interest $r = .365, p = .004, p < .05$. While using multiple regression analysis it was found that accounting students need to use spreadsheet module because it has a positive moderating effect on the relationship of computer self-efficacy with academic achievement $\beta = -.465, p = .000$ and interest $\beta = .345, p = .010$ is at the significant level of Sig F = $p < 0.05$. The findings of the study show that with minimal spreadsheet skills, academic achievement and interest can be increased after using the Module Spreadsheet Budget. The implications of the study show that the approach of using modules as moderators can have a positive effect in helping students acquire spreadsheet skills in the topic of Budgeting. A follow-up study to examine the Module Spreadsheet Budget as a mediator in the relationship between computer self-efficacy and student achievement as well as expanding the study sample.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN LAPORAN KERTAS PROJEK	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian/ Hipotesis Kajian	17
1.6 Kepentingan Kajian	18

1.6.1	Pelajar Matrikulasi	19
1.6.2	Pensyarah Unit Perakaunan	19
1.6.3	Pihak Kolej Matrikulasi	20
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	20
1.8	Definisi Operasi	22
1.8.1	Kecekapan komputer sendiri	22
1.8.2	Kemahiran <i>Spreadsheet</i>	23
1.8.3	Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	23
1.8.4	Pencapaian Akademik Pelajar	24
1.8.5	Minat Pelajar	24
1.9	Kesimpulan	25

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Jurusan Perakaunan di Kolej Matrikulasi	27
2.3	Komputer dalam pendidikan Perakaunan	30
2.4	Kecekapan sendiri	33
2.4.1	Kecekapan komputer sendiri	35
2.4.2	Kecekapan Komputer Kendiri <i>Spreadsheet</i>	38
2.4.3	<i>Spreadsheet</i> dalam Perakaunan Pengurusan	42
2.5	Pencapaian Akademik Pelajar	44
2.5.1	Penilaian <i>Spreadsheet</i> Pelajar	46
2.6	Motivasi Pembelajaran.	50

2.6.1	Minat Pelajar	51
2.7	Reka Bentuk Instruksional (<i>Instructional Design</i> , ID)	55
2.7.1	Penggunaan Model ADDIE dalam Pembinaan Modul	56
2.7.2	<i>Spreadsheet</i> sebagai Alat Instruksional	60
2.7.3	Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	60
2.8	Model Penerimaan Teknologi (TAM)	62
2.9	Teori Behaviourisme	64
2.10	Teori Sosial Kognitif (Albert Bandura)	66
2.11	Pembinaan Hipotesis	68
2.11.1	Kesan Penggunaan Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan.	68
2.11.2	Kecekapan komputer sendiri dan pencapaian akademik pelajar.	71
2.11.3	Kecekapan komputer sendiri dan minat pelajar	74
2.11.4	Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan sebagai Moderator.	76
2.12	Kesimpulan	78

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 80

3.1	Pengenalan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	81
3.2.1	Reka Bentuk Kuasi-eksperimen	81
3.2.2	Reka bentuk Kajian Deskriptif	83
3.3	Pembolehubah Kajian	84
3.3.1	Pembolehubah tidak bersandar	85

3.3.2	Pembolehkan bersandar	87
3.3.3	Pembolehkan Ekstranus (Pembolehkan Pencemar)	88
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	89
3.4.1	Pemilihan Lokasi Kajian	92
3.5	Instrumen Kajian	93
3.5.1	Instrumen soal selidik.	93
3.5.2	Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	97
3.5.3	Penilaian sumatif– Pencapaian akademik pelajar	110
3.6	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	114
3.6.1	Prosedur Kajian	115
3.6.2	Kaedah Analisis Data Kajian	117
3.7	Kajian Rintis	122
3.8	Kebolehpercayaan dan Kesahan	124
3.8.1	Kesahan Instrumen Kajian	125
3.8.2	Kesahan Kajian Eksperimen	129
3.8.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	135
3.9	Kesimpulan	136
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	137
4.1	Pengenalan	137
4.2	Analisis Statistik Demografi	138
4.3	Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	140

4.3.1	Fasa Analisis	140
4.3.2	Fasa Reka Bentuk	143
4.3.3	Fasa Pembangunan	145
4.3.4	Fasa Pelaksanaan	151
4.3.5	Fasa Penilaian.	162
4.4	Analisis Kekerapan dan Skor Min Tahap Kecekapan Komputer Kendiri dan Minat Pelajar	163
4.4.1	Analisis Kekerapan dan Skor Min Tahap Kecekapan Komputer Kendiri.	163
4.4.2	Analisis Kekerapan dan Skor Min Tahap Minat Pelajar.	167
4.5	Analisis Kebolehpercayaan	171
4.6	Analisis Kenormalan (Nonparametrik)	174
4.7	Pengujian Hipotesis	177
4.7.1	Penggunaan Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan dan Nota Kuliah	178
4.7.2	Hubungan Kecekapan Komputer Kendiri, Pencapaian Akademik dan Minat Pelajar.	182
4.7.3	Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan sebagai Moderator antara Kecekapan Komputer Kendiri, Pencapaian Akademik dan Minat Pelajar.	189
4.8	Kesimpulan	194

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 197

5.1	Pengenalan	197
5.2	Ringkasan Kajian	197
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	199

5.3.1	Kebolegunaan Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	199
5.3.2	Kecekapan Komputer Kendiri dengan Pencapaian Akademik dan Minat Pelajar.	202
5.3.3	Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan sebagai Moderator	204
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	207
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	210
5.6	Limitasi Kajian	212
5.7	Rumusan	213
	RUJUKAN	215
	LAMPIRAN	236

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Objektif Pembelajaran Program (PEO) Jurusan Perakaunan.	28
2.2	Hasil Pembelajaran Program (PLO)	29
2.3	Hasil Pembelajaran Kursus (CLO).	29
2.4	Kajian lepas kecekapan komputer sendiri.	37
2.5	Kaedah dan Jenis Penilaian Perakaunan 2	45
2.6	Domain Psikomotor Aras Taksonomi Bloom	46
2.7	Penerangan terperinci arahan dalam setiap fasa Model ADDIE.	58
3.1	Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca bagi Kumpulan-kumpulan Tidak Serupa (Nonequivalent Groups Pre-Post Tests Design)	82
3.2	11 item kecekapan komputer sendiri	94
3.3	20 item faktor-faktor penerimaan modul di kalangan pelajar	95
3.4	Lapan item minat pelajar terhadap penggunaan Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan.	96
3.5	20 item pengesahan pakar Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan.	101
3.6	Statistik Kebolehpercayaan	105
3.7	Gred Ujian Sumatif kemahiran <i>spreadsheet</i> kelas praktikal	109

3.8	Petikan dari komponen penilaian dalam Spesifikasi kurikulum AA025	112
3.9	Rubrik penilaian sumatif	113
3.10	Tempoh Pelaksanaan Kajian di Kolej Matrikulasi Pahang	117
3.11	Jenis Analisis Data	118
3.12	Tafsiran Skor Min	120
3.13	Tafsiran Pekali Koefisien Korelasi	121
3.14	Kaedah Penilaian Kesahan Instrumen	126
3.15	Senarai nama pakar.	127
3.16	Pengiraan Indeks Kesahan Kandungan I-CVI dan S-CVI	127
3.17	Interprestasi skor kebolehpercayaan	135
3.18	Analisis kebolehpercayaan Instrumen kajian	135
4.1	Latar belakang resposnden	139
4.2	Analisis Keperluan Latihan Microsoft Excel.	142
4.3	Hasil Dapatan bagi Fasa Reka Bentuk.	145
4.4	Pengukuran Kesahan bagi Persembahan Modul.	148
4.5	Pengukuran Kesahan bagi Kandungan Modul.	148
4.6	Pengukuran Kesahan bagi Persembahan Bahasa Modul.	149
4.7	Pelaksanaan Aktiviti Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	153
4.8	Analisis Kecekapan Komputer Kendiri	166

4.9	Analisis Ujian t-test bagi Kecekapan Komputer Kendiri	167
4.10	ANOVA antara Kecekapan Komputer Kendiri dan Minat Pelajar	170
4.11	Kecekapan komputer sendiri	171
4.12	Tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna	172
4.13	Minat Pelajar	172
4.14	Kebolehpercayaan Item	173
4.15	Statistik Keseluruhan Item	173
4.16	Ujian Normaliti dengan Kaedah Skewness dan Kurtosis	176
4.17	<i>Coefficients^a</i>	177
4.18	Taburan Markah bagi Ujian Pra	179
4.19	Ujian <i>t-test</i> Perbezaan Min Skor Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	180
4.20	Taburan Markah bagi Ujian Pasca	180
4.21	Ujian t-test Perbezaan Min Skor Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan	181
4.22	Tafsiran Pekali Koefisien Korelasi	182
4.23	Kecekapan komputer sendiri dan markah ujian pasca praktikal.	183
4.24	Analisis kecekapan komputer sendiri dan markah ujian	184
4.25	Kekerapan skor minat dan pengalaman sedia ada pelajar.	185
4.26	Interpretasi Saiz Kesan	185

4.27	Analisis Ujian <i>Mann-Whitney U</i>	186
4.28	Analisis Wilcoxon bagi dua pembolehubah	187
4.29	Kecekapan komputer sendiri dan Minat.	188
4.30	Kesimpulan Model bagi Pencapaian	191
4.31	Pembolehubah Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	191
4.32	Koefisen Ujian Pasca	192
4.33	Kesimpulan Model bagi Minat	193
4.34	Pembolehubah Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan bagi Minat	193
4.35	Koefisen Minat	194

 05-4506832	 4.36 Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis Nul	 PustakaTBainun	 ptbupsi 196
--	--	--	--



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	22
2.1 Gambaran panduan yang baik dalam skema jawapan Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan.	49
2.2 Kerangka teori daripada <i>San Jose State University, Instructional Technology Program</i> (McGriff, 2000).	59
2.3 Kerangka Teori Model Penerimaan Teknologi (TAM) sumber daripada (Davis et al., 1989)	63
2.4 Pengaruh jangkaan kecekapan sendiri ke atas tingkah laku dan hasil Sumber: Bandura (1997) <i>Self-efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change Psychological Review</i> .	67
3.1 Ringkasan fasa dalam Model ADDIE	108
3.2 Reka bentuk kajian kuasi-eksperimen	116
3.3 Prosedur Kajian Rintis	124
4.1 Analisis Pengalaman sedia ada pelajar	141
4.2 Tinjaun Pengalaman Pelajar	141
4.3 Muka depan dan Isi Kandungan Modul	146
4.4 Tunjuk cara dalam Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	146
4.5 Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan dalam <i>Google Drive</i>	152



4.6	Ujian Pra kumpulan rawatan	154
4.7	Ujian Pra kumpulan kawalan	154
4.8	Ujian Pra kumpulan kawalan	155
4.9	Kumpulan rawatan	157
4.10	Contoh Jawapan Pelajar Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pasca	159
4.11	Kumpulan kawalan	160
4.12	Jawapan Pelajar Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pasca	162
4.13	Tahap Kecekapan Komputer Kendiri <i>Spreadsheet</i> Kumpulan Rawatan.	166
4.14	Tahap Minat Pelajar Terhadap Penggunaan Modul <i>Spreadsheet</i> Belanjawan	169
4.15	Rujukan kepada Jadual F Sumber: (Junaidi, 2010)	170
4.16	Hasil Ujian Normaliti	174
4.17	<i>Plot Stem-and-Leaf</i>	175
4.18	Grafik Q-Q <i>plot</i>	175
5.1	Min skor Ujian Pra dan Ujian Pasca	201

**SENARAI SINGKATAN**

BMKPM	Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia
CLO	<i>Course Learning Outcomes</i>
CS	Spesifikasi Kurikulum
CSE	Computer Self-efficacy
CVI	Content Validity Index
EPRD	Educational Planning and Policy Research Division
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PB	Penilaian Berterusan
PCM	Percentage Calculation Method
PEO	<i>Programme Educational Objectives</i>
PLO	<i>Programme Learning Outcomes</i>
PSPM	Peperiksaan Semester Program Matrikulasi
RI	Rancangan Instruksional
RMIC	Research Management and Innovation Centre
RPS	Rancangan Pengajaran Semester
SI	Minat Pelajar
SME	Subject Matter Expert
SPSS	Statistical Package for Social Science
TK	Tanggapan Kebergunaan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XX

TMG Tanggapan Mudah Guna

UP Ujian Praktikal



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Pre Test Practical Lab (10%)
- B Post Test Practical Lab (10%)
- C Surat Kelulusan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
- D Surat Kelulusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM
- E Surat Kelulusan Bahagian Matrikulasi KPM
- F Contoh Soal Selidik Kesahan Kandungan daripada Pakar

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 telah menyatakan Sistem Pendidikan Malaysia makin berkembang pesat dengan teknologi dan perlu dipertingkatkan agar seiring dengan persekitaran global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). PPPM menekankan kecekapan dalam aspirasi sistem pendidikan dari peringkat prasekolah hingga lepas menengah termasuk pendidikan matrikulasi perlu memaksimumkan keberhasilan pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memfokuskan tentang kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif itu perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Ini adalah kerana Malaysia dapat muncul sebagai negara maju yang berkualiti tinggi seiring dengan Korea Selatan, Jepun, Hong kong dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Bagi mencapai matlamat ini, KPM menekankan sudut pengajaran



dan pembelajaran yang melibatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan menggunakan kemahiran komputer secara inovasi serta interaktif. Perkara ini merangkumi penyediaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat menarik minat pelajar (Wan Hussain & Fadhilah, 2016).

Penggunaan komputer pada masa ini dilihat semakin meluas digunakan dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dan menunjukkan kesan positif terhadap pencapaian pelajar (A. Loar, 2018). Pendidik yang menggabungkan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat meningkatkan teknik pengajaran dan menghasilkan pelajar yang cemerlang untuk persediaan ke alam pekerjaan pada abad ke-21 (Awofala, Olabiyi, Arigbabu, Fatade, & Udeani, 2020).



Seiring dengan PPPM 2015-2025 ini, Program Matrikulasi KPM adalah satu institusi prauniversiti yang membolehkan pelajar menimba ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang dapat memperoleh kecemerlangan dalam bidang yang diceburi. Pendedahan kepada kemahiran menggunakan perisian perakaunan dalam kelas praktikal dapat melahirkan pelajar lepasan Program Matrikulasi yang berpengetahuan, kreatif dan berdaya saing yang merupakan objektif utama di Bahagian Matrikulasi (Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Dengan ini, pensyarah juga akan mempelbagaikan teknik pengajaran dengan memasukkan elemen kemahiran komputer bagi mencapai objektif program matrikulasi.

Program Matrikulasi merupakan satu program persediaan untuk melayakkan pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang sastera ikhtisas yang terdiri daripada perakaunan, ekonomi dan pengurusan perniagaan ke peringkat ijazah pertama di





Institusi Pengajian Tinggi. Program Matrikulasi KPM diwujudkan atas kelulusan Kabinet Malaysia pada 10 Mac 1999 untuk menambah bilangan pelajar bumiputera dalam bidang kritikal dan kompetitif di Universiti Awam. Bermula dengan Kolej Matrikulasi Melaka dan Kolej Matrikulasi Labuan pada kemasukan pelajar Julai 1999 sehingga kini terdapat sebanyak 17 kolej matrikulasi di seluruh Malaysia (Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pada sesi 2003/2004, Program Matrikulasi telah diberi ruang 10% kepada pelajar bukan Bumiputera untuk menyertai program ini (Ahmad Fahmi Adzha, 2019).

Program Matrikulasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini bermatlamatkan kecemerlangan khususnya terhadap pelajar bumiputera dalam bidang profesional yang lebih berdaya saing dan beriltizam tinggi untuk ke institusi pengajian tinggi menjelang 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Terdapat dua jenis program yang ditawarkan di matrikulasi iaitu Program Matrikulasi Satu Tahun (PST) dan Program Matrikulasi Dua Tahun (PDT). Pengajian Satu Tahun (PST) ini menggunakan struktur pengajian dua semester yang ditawarkan kepada pelajar Jurusan Perakaunan.

Jurusan Perakaunan di bawah Program Matrikulasi Satu Tahun KPM berteraskan kepada sistem pendidikan *Outcome Based Education* (OBE) yang bermatlamatkan kemenjadian pelajar setelah tamat kursus. Antara objektif kursus Perakaunan 1 AA015 ialah pelajar perlu memahami konsep teori dan praktikal yang tinggi. Dengan ini, pelajar diberi pendedahan dengan perisian Mr. Accounting di kursus Perakaunan 1 AA015 (Perakaunan Kewangan) bagi semester 1 dan kemahiran *spreadsheet* di kursus Perakaunan 2 AA025 (Perakaunan Pengurusan) bagi semester 2. Bagi memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM) dalam Spesifikasi





Kurikulum, pelajar didedahkan dengan kemahiran *spreadsheet* ini semasa di kelas praktikal dengan topik belanjawan (Matriculation Division, 2018b).

Kemahiran *spreadsheet* dalam kalangan pelajar Jurusan Perakaunan adalah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi meningkatkan penggunaan komputer semasa pembelajaran. Kemahiran *spreadsheet* merupakan kecekapan komputer sendiri pelajar menggunakan aplikasi *spreadsheet* dalam menyelesaikan tugas perakaunan dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar (Formby, Medlin, & Ellington, 2017; Frownfelter- Lohrke, 2017; Zhwan Dalshad & Khalid Ismail, 2019).

Kemahiran *spreadsheet* dilihat memainkan peranan penting dalam perakaunan pengurusan yang merupakan antara aplikasi untuk membuat perancangan belanjawan berasaskan urusanniaga (Bradbard, Alvis, & Morris, 2014; Izza, Michael (Chief Executive Officer, 2018). Aplikasi *spreadsheet* dikategorikan mengikut fungsi tersendiri dan terdapat sepuluh fungsi *spreadsheet* asas yang selalu digunakan dalam perancangan belanjawan iaitu fungsi *SUM*, *IF*, *LOOKUP*, *VLOOKUP*, *MATCH*, *CHOOSE*, *DATE*, *DAYS*, *FIND* *FINDB* dan *INDEX* (Microsoft, 2019). Terdapat persoalan dalam kalangan penyelidik; apakah kemahiran *spreadsheet* ini merujuk kepada mengetahui cara menggunakan: (a) beberapa fungsi asas, (b) fungsi spesifik, atau (c) semua fungsi *spreadsheet*?

Kebanyakan akauntan berfikir bahawa penguasaan *spreadsheet* hanya merujuk kepada mengetahui cara menggunakan fungsi asas, seperti kemasukan data, format, dan pengiraan asas (Najihah & Hanyza, 2019; Otoghile, 2015). Menurut Shahid & Brian (2019) tiada jawapan yang mudah bagi membuat kesimpulan kepada kemahiran yang harus dimiliki oleh seorang pelajar. Tahap kecekapan kemahiran ini





sangat bergantung kepada disiplin pelajar semasa mempelajari kemahiran *spreadsheet*. Tinjauan penyelidikan telah mengenalpasti bahawa sebanyak 21 fungsi *spreadsheet* yang sangat diperlukan oleh graduan perakaunan dan sangat sesuai untuk tujuan pensijilan Microsoft Excel (Formby, Medlin, & Ellington, 2017). Namun begitu fungsi *spreadsheet* ini hendaklah bersesuaian dengan topik belanjawan dan tahap pengetahuan pelajar matrikulasi.

Pada hari ini kurikulum pendidikan seharusnya mengikut peredaran zaman. Perkara ini adalah untuk memastikan keberhasilan pelajar bukan sahaja berpengetahuan malah menguasai kemahiran abad ke-21. Justeru itu, manfaat kemahiran *spreadsheet* yang digunakan dalam kelas praktikal di kolej matrikulasi dan pemahaman yang lebih baik tentang kecekapan komputer sendiri membolehkan pengukuran dijalankan terhadap perubahan kecekapan komputer sendiri. Kecekapan komputer sendiri merupakan keupayaan pelajar menggunakan sesuatu perisian antaranya *spreadsheet* semasa pembelajaran supaya dapat menyelesaikan masalah dalam tugas (Gupta & Bostrom, 2019).

Sehubungan dengan itu, pengajar perlu bergerak secara aktif dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi memenuhi keperluan kaedah pembelajaran pelajar dengan konsep Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21). Konsep PAK21 menekankan kepada pensyarah perlu meningkatkan kemahiran dalam penggunaan TMK untuk pemilihan bahan bagi membantu pelajar menyelesaikan masalah serta mengabungjalinkan isi pelajaran dengan kemahiran supaya lebih bersifat interaktif (Saifulnizan, 2018). Pensyarah yang mempunyai kecekapan tertentu, berupaya mengembangkan kemahiran, bakat, potensi dan pengetahuan pelajar dalam pelbagai bentuk (Yahaya, Hanafiah, Zakaria, Osman, & Bahrin, 2019).





PdPc ini penting sebagai satu proses bagi melengkapi keperluan pelajar dan seterusnya dapat mengubah persepsi pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Proses PdPc yang sistematik, menarik dan sesuai dapat mendorong pelajar melibatkan diri secara aktif serta mengekalkan persepsi mereka terhadap aktiviti pembelajaran (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Sehubungan dengan itu, dengan penyediaan bahan bantu mengajar yang menarik dan berwarna dengan peruntukan masa yang digunakan tidak terlalu panjang dapat mengatasi kebosanan di kalangan pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penggunaan komputer di peringkat matrikulasi tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam sistem pendidikan negara pada zaman moden ini. Oleh yang demikian, pengetahuan kemahiran komputer dalam kalangan pelajar adalah penting sebagai persediaan para pelajar untuk menghadapi pengajian yang lebih tinggi dan mencabar. Pendedahan kemahiran komputer kepada para pelajar adalah salah satu agenda utama dalam setiap institusi pendidikan supaya pelajar tidak berasa janggal dengan kemahiran komputer apabila mereka berada di universiti awam dan dapat mengaplikasikan dalam menyempurnakan suatu tugas. Dengan kemudahan makmal komputer yang disediakan oleh pihak kolej matrikulasi dapat memudahkan lagi sesi pembelajaran kemahiran komputer dalam kalangan pelajar.

Sebuah komputer telah tersedia dengan pelbagai perisian termasuklah perisian Microsoft Office yang terdiri daripada pemprosesan maklumat Microsoft Words, spreadsheet Microsoft Excel, persembahan Microsoft Powerpoint, pengkalan data Microsoft Acces dan sebagainya. Perisian yang sering digunakan dalam proses



pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran perakaunan ialah Microsoft Words dan Microsoft Acces (Faridah & Afham Zulhusmi, 2019). Perisian Microsoft Excel juga adalah salah satu aplikasi pembuat keputusan dalam kewangan .la juga sering digunakan untuk melaksanakan pelbagai tugas dalam organisasi perniagaan dan telah dinilai sebagai kemahiran teknologi yang paling penting dan diperlukan oleh graduan perakaunan (Doe, Annan, Kwasi, Ahiale, & Anyamadu, 2016).

Microsoft Excel direka dengan fungsi *spreadsheet* untuk melakukan pengiraan dengan formula matematik yang kompleks dan menyokong fungsi perakaunan seperti belanjawan dalam menyediakan penyata kewangan dan penyata kedudukan kewangan (Doe, 2019). Walaubagaimanapun Microsoft Excel adalah satu program *spreadsheet* yang mempunyai formula kewangan dibina khusus untuk kegunaan tugas-tugas perakaunan, namun kemahiran ini kurang dikuasai dalam kalangan pelajar perakaunan (Doe et al., 2016).

Pengajaran dengan bantuan Microsoft Excel dalam sesuatu subjek atau topik perakaunan dapat membantu pelajar memahami sesuatu bahan pengajaran dengan lebih berkesan dan dianggap penting bagi pelajar melaksanakan tugas perakaunan (Lantushenko, Lipton, & Erkis, 2017; Rahimah, 2015). Institusi pendidikan telah berusaha merancang kurikulum pengajaran agar seiring dengan perubahan teknologi. Namun begitu, majikan dan organisasi telah menyatakan pandangan mereka bahawa lulusan perakaunan pada hakikatnya tidak dilengkapi dengan kemahiran ICT yang penting untuk profesion mereka (Doe et al., 2016).

Sehubungan dengan itu, Bahagian Matrikulasi KPM telah melakukan perubahan dalam Speksifikasi Kurikulum sejak sesi 2018/2019 dengan penambahan masa dua jam seminggu untuk kelas praktikal supaya dapat menunjukkan

kemampuan menggunakan terminologi, prinsip, prosedur dan teknik dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan (Matriculation Division, 2018b, 2018a). Pendedahan menggunakan perisian Mr. Accounting untuk merekod urusniaga sebuah syarikat yang melibatkan kitaran Perakaunan Kewangan dalam kelas praktikal bagi kursus Perakaunan 1 AA015 di semester 1 . Manakala penggunaan kemahiran *spreadsheet* di kalangan pelajar semester 2 dalam kelas praktikal kursus Perakaunan 2 AA025 dapat memberi peluang kepada pelajar Jurusan Perakaunan di Matrikulasi bagi menunjukkan kemampuan menggunakan terminologi, prinsip, prosedur dan teknik Perakaunan Pengurusan.

Kemahiran Microsoft Excel dikaitkan dengan teori sosial kognitif melalui kecekapan komputer sendiri yang direka dengan fungsi *spreadsheet* untuk melakukan pengiraan dengan formula matematik yang kompleks dan disokong dengan fungsi perakaunan pengurusan seperti belanjawan dalam menyediakan penyata kewangan dan penyata kedudukan kewangan (Doe, 2019). Pada peringkat awal kewujudan kemahiran dalam bidang komputer, Compeau dan Higgins (1995) telah mendefinisikan kecekapan komputer sendiri merupakan kepercayaan pelajar mengenai keupayaan mereka dalam mengendalikan kemahiran komputer atau suatu perisian komputer bagi menyelesaikan tugas perakaunan. Para penyelidik kini telah menggunakan istilah ini berdasarkan Compeau dan Haggins (Chen, 2017; Gupta & Bostrom, 2019; Marakas, Aguirre-Urreta, & Lee, 2014). Perkembangan terbaru dalam kecekapan komputer sendiri ini telah menunjukkan peningkatan terhadap pencapaian pelajar menerusi kemahiran *spreadsheet* (Awofala et al., 2020; Zhwan Dalshad & Khalid Ismail, 2019). Oleh itu, teknologi komputer berpotensi memberi kesan kepada kehidupan seharian kita, walaupun bagi kebanyakan individu, kebolehan menggunakan komputer masih menjadi masalah termasuk dalam pendidikan perakaunan.



Selain itu, penggunaan komputer sebagai alat bantu pengajaran dapat mengubah persekitaran pembelajaran menerusi Model Penerimaan Teknologi (TAM) (Weng, Yang, Ho, & Su, 2018). Pengajaran dengan penggunaan komputer secara beransur-ansur menggantikan pengajaran tradisional kerana para pensyarah telah memilih bahan bantu pengajaran multimedia yang tepat dan bukannya bahan pengajaran yang bersifat nota kuliah bercetak atau statik. Pengajaran tradisional ini lebih kepada penyampaian kuliah dan komunikasi satu hala yang berteraskan input atau maklumat dari pensyarah atau nota kuliah sahaja (Wan Farah Aida & Ida Suriati, 2017). Pencapaian pelajar dalam pengajaran kognitif dengan menggunakan komputer adalah lebih baik daripada pengajaran tradisional serta dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran dan teknologi (Bargate, 2018).

Bahan bantu mengajar dengan menggunakan komputer merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk menyampaikan isi kandungan topik belanjawan, pemudahcara serta panduan semasa aktiviti pengajaran dan pemudahcara (PdPc). Dengan ini, bahan bantu mengajar seperti modul *spreadsheet* dapat menggalakkan proses pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar tanpa bergantung kepada pensyarah serta dapat mewujudkan komunikasi dua hala antara pelajar dengan pensyarah dan rakan sebaya.

Namun begitu, pelajar tidak dapat mengelakkan daripada menghadapi masalah dan halangan dalam PdPc. Kajian Bargate (2018), menyatakan bahawa penerimaan suatu kaedah pembelajaran adalah dipengaruhi oleh bahan bantu mengajar yang kurang menarik, kurang mesra dan kurang interaktif menyebabkan pelajar kurang minat untuk mempelajarinya.





Dalam kajian penyelidikan yang menganalisis faktor-faktor mempengaruhi tingkah laku pelajar menerusi Model Penerimaan Teknologi (TAM) iaitu tanggapan kebergunaan (TK) dan tanggapan mudah guna (TMG) terhadap pembelajaran menggunakan komputer, hasilnya menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap positif yang kuat terhadap pembelajaran menggunakan komputer (Quarles, Conway, Harris, Osler, & Rech, 2018). Ini kerana, terdapat segelitir pelajar tidak menunjukkan minat untuk mempelajari sesuatu persekitaran yang berasaskan teknologi (Bargate, 2018). Kajian Frydenberg dan And one (2017) pula menunjukkan bahawa tanggapan kebergunaan (TK) tidak mempengaruhi pelajar terhadap alat pembelajaran *Augmented Reality* (AR) sebagai aktiviti pembelajaran sebaliknya bergantung kepada tanggapan keseronokan menggunakan teknologi. Dapatan para penyelidik ini menunjukkan tiada keseragaman dari segi hasil kajiannya. Sehubungan itu, kajian akan dijalankan untuk mengisi jurang perbezaan kajian lepas dalam konteks pelajar di kolej matrikulasi. Tambahan pula, penyelidik mendapati belum banyak kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar matrikulasi.

Seiring dengan kehendak Spesifikasi Kurikulum yang berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education*, OBE) yang mengutamakan konsep pendidikan kemenjadian pelajar setelah mengikuti kursus atau program ini (Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Kecekapan komputer sendiri melalui kemahiran *spreadsheet* yang diterapkan kepada pelajar dalam kelas praktikal sebagai persediaan kepada pelajar ke arah pengajian yang lebih tinggi dan alam pekerjaan. Namun setiap pelajar memproses maklumat yang dipelajari dengan cara yang berlainan. Justeru itu, kepelbagaian dalam kemahiran berfikir akan mempengaruhi pelajar untuk bertindak terhadap bahan bantu mengajar yang digunakan. Menyedari hakikat itu, perbezaan ciri-ciri individu yang wujud dalam kalangan pelajar seharusnya dijadikan panduan dalam usaha merancang bahan





pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan keperluan semasa pelajar. Selain dari itu, penentuan kaedah pembelajaran juga dilihat penting dalam menentukan kejayaan suatu proses pengajaran dan pembelajaran sekaligus dapat meningkatkan minat dan pencapaian akademik pelajar. Dengan ini, kajian yang akan dijalankan menggunakan bahan bantu mengajar dengan modul kemahiran *spreadsheet* ini adalah untuk melihat perbezaan pencapaian akademik pelajar antara kumpulan rawatan dan kawalan.

Pada akhir pembelajaran, pelajar perlu mencapai Hasil Pembelajaran Program (*Programme Learning Outcomes*, PLO) iaitu mengamal alat pengurusan dan ekonomi yang digunakan dalam bidang perakaunan dan perniagaan (Matriculation Division, 2018b). Penilaian sumatif akan dilakukan pada akhir pengajaran setelah selesai lima minggu waktu praktikal bagi pengukur pencapaian akademik pelajar dalam kemahiran *spreadsheet*. Penilaian bagi kelas praktikal, ujian penilai sumatif akan dijalankan melalui topik Belanjawan (Budget) bagi melihat pencapaian kemahiran *spreadsheet* secara individu di kelas rawatan dan juga kawalan.

Sehubungan dengan itu, kajian yang akan dijalankan bagi mengukur tahap kecekapan komputer sendiri dan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar menggunakan Modul *Spreadsheet* terdapat peningkatan pencapaian akademik dan minat pelajar kepada pembelajaran menggunakan *spreadsheet* melalui kaedah eksperimen. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan sekiranya mempunyai modul boleh dijadikan sebagai garis panduan dan dapat meningkatkan kefahaman pelajar (Ainun Rahmah, Zamri, & Wan Muna Ruzanna, 2017). Proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih terancang dan sistematik serta dapat bantu pelajar dengan penggunaan Modul *Spreadsheet*.





Pelajar seharusnya meningkatkan usaha untuk terus belajar dan meningkatkan kemahiran ICT untuk persediaan menghadapi persekitaran kerja (Wan Hussain & Fadhilah, 2016). Ini bagi memastikan pelajar berupaya memperoleh pencapaian yang optima disamping mempunyai minat yang berterusan semasa mengikuti pembelajaran dalam persekitaran yang berkesan dan menyeronokkan.

1.3 Penyataan Masalah

Sistem Pendidikan abad ke-21 semakin menekankan pelbagai kemahiran dalam kurikulum sebagai persediaan pelajar untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan dan cabaran yang timbul dalam warga industri, ekonomi global, perubahan pesat teknologi, kepelbagaian maklumat dan penggunaan komputer sebagai satu keperluan dalam kehidupan seharian (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Usaha bagi memupuk kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar agak sukar kerana pelajar mempunyai perbezaan dari segi pengetahuan sedia ada, minat, dan gaya pembelajaran (Ainun Rahmah Ibrahima, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna, 2017).

Kaedah pengajaran dan pembelajaran seharusnya berubah seiring dengan pelaksanaan pembelajaran abad ke 21 dalam perkembangan teknologi maklumat yang melibatkan penggunaan teknologi yang terkini seperti komputer, perisian dan aplikasinya (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Keupayaan menggunakan komputer melalui kemahiran perisian Microsoft Excel ini yang dikaitkan dengan kecekapan komputer sendiri dianggap penting bagi pelajar perakaunan dalam melaksanakan tugas projek perakaunan (Formby et al., 2017; Rahimah, 2015). Ini berikutan terdapat satu kajian dalam kalangan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana





(PKS) yang telah menunjukkan sebanyak 83.3% masih menggunakan perisian *spreadsheet* berbanding perisian lain seperti UBS dan lain-lain dalam penyediaan laporan kewangan syarikat (Najihah & Hanyza, 2019).

Namun kemahiran perisian Microsoft Excel ini dalam kalangan pelajar perakaunan hanya mempunyai pengetahuan pengaturcaraan yang sedikit dan akhirnya menyebabkan pelajar menggunakan *spreadsheet* dengan kesalahan yang kritikal (Raković, Sakal, & Vuković, 2019). Hasil kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar perakaunan menunjukkan hanya 18.4% pelajar boleh menggunakan perisian ini secara asas namun majoriti (iaitu lebih 50%) menunjukkan kurang mahir menggunakan formula *spreadsheet* dalam melaksanakan tugas khusus perakaunan di institusi pengajian prauniversiti (Doe, Annan, Kwasi, Ahiale, & Anyamadu, 2016).



Situasi ini berbeza dengan kolej matrikulasi yang mana pelajar jurusan perakaunan tidak didedahkan dengan kemahiran komputer pada satu subjek khusus kerana tempoh pengajian satu tahun yang sangat singkat. Struktur kursus jurusan perakaunan hanya melibatkan subjek pengkhususan iaitu Matematik, Perakaunan, Ekonomi dan Pengurusan Perniagaan manakala subjek wajib pula terdiri daripada English, Pendidikan Islam/Moral, Pengajian Am Matrikulasi dan Kokurikulum (Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pendedahan kemahiran komputer khususnya *spreadsheet* yang menyokong kepada fungsi perakaunan seperti belanjawan dan penyediaan penyata kewangan merupakan masalah yang dihadapi oleh pelajar yang ingin pencapaian yang cemerlang terutama dalam bidang perakaunan (Doe, 2019; Weng et al., 2018).





Sebilangan pelajar perakaunan mempunyai pengetahuan dalam Microsoft Excel melalui kaedah pembelajaran cuba jaya sendiri (Lantushenko et al., 2017). Namun, tidak semua pelajar berpengetahuan dalam Microsoft Excel dan mempelajari dengan kaedah cuba jaya ini. Kajian Khairul Hasni (2013) yang telah melakukan tinjauan dalam kalangan pelajar sekolah menengah mendapati pelajar lebih menguasai microsoft word daripada fungsi perisian Microsoft Excel yang mungkin disebabkan kurang pendedahkan terhadap penggunaannya dalam pembelajaran. Berdasarkan masalah ini, bagaimana untuk menerapkan kecekapan komputer sendiri dalam kalangan pelajar perakaunan dengan satu kaedah pembelajaran yang dapat memberi kesan kepada pencapaian masa depan pelajar?

Pencapaian pelajar ini dikaitkan dengan rangsangan pembelajaran yang berkesan dengan kaedah penyampaian yang jelas, mengaitkan dengan penglibatan pelajar dan menggunakan tugas pembelajaran secara konseptual (Schneider & Preckel, 2017). Penggunaan teknologi dalam pembelajaran sahaja tidak akan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar apabila Schneider dan Preckel (2017) menegaskan bahawa kesan daripada moderator yang kuat ditemui dalam kebanyakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mana moderator tersebut menerangkan kaedah pembelajaran dilaksanakan secara terperinci sangat mempengaruhi pencapaian pelajar.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan sekiranya mempunyai bahan bantu mengajar atau modul yang boleh dijadikan sebagai garis panduan dan dapat meningkatkan kefahaman pelajar (Zakiah, Azlina, & Jiar, 2015). Terdapat beberapa kajian yang mencadangkan penggunaan modul pembelajaran sebagai panduan kemahiran dapat membantu pelajar memahami suatu kemahiran *spreadsheet* secara praktikal (Anizar, Gani, Khaldun, & Bahi, 2018; Lantushenko et





al., 2017; Mohd Afifi Bahurudin, Norain, Mazlini, & Muhamad Ikhwan, 2017). Kepentingan modul sebagai bahan bantu mengajar ini dapat memberi manfaat kepada pensyarah dan pelajar serta meningkatkan pemahaman konseptual pelajar dan kemahiran berfikir secara analitikal (Anizar et al., 2018).

Selain itu, Perakaunan Pengurusan sering dikaitkan dengan pelajar kurang memberi tumpuan dan minat dengan subjek ini khususnya topik belanjawan kerana kaedah pengajaran yang berpusatkan pensyarah serta hanya menggunakan nota kuliah sebagai bahan bantu mengajar (Faridah & Afham Zulhusmi, 2019). Persepsi stereotaip mengenai perakaunan pengurusan sebagai membosankan dan tidak menarik sering muncul di dalam kelas, dengan pelajar mengeluh tentang kebosanan semasa pembelajaran dalam kuliah dan tutorial perakaunan (Bargate, 2018; Kaciuba, 2012a). Melalui kajian bidang pendidikan perakaunan terdahulu, mendapati bahawa antara faktor pelajar menjadi kurang tumpuan dan minat di dalam kelas kuliah dan tutorial adalah disebabkan kaedah pengajaran pensyarah yang berpusatkan pensyarah dan membosankan pelajar (Bargate, 2018).

Memandangkan kecekapan komputer sendiri *spreadsheet* adalah faktor penting yang akan dipengaruhi oleh moderator iaitu modul pembelajaran untuk menarik minat dan pencapaian pelajar. Namun, penyelidikan mengenainya banyak dilakukan dalam kalangan pelajar di politeknik dan universiti dan hanya beberapa kajian di peringkat prauniversiti (Anizar et al., 2018; Awofala et al., 2020; Nor Khayati, Mohd Isa, & Khadijah, 2017a). Gambaran yang jelas bagi pelaksanaan moderator melalui modul pembelajaran dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di matrikulasi di Malaysia masih belum diketahui. Walaupun penyelidikan di politeknik di luar negara agak meluas mengenai penggunaan modul sebagai moderator dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan kecekapan komputer sendiri



tetapi dengan persekitaran kajian dan budaya mereka yang berbeza tidak dapat memberi pemahaman kepada pendidik di matrikulasi.

Selain itu, Zhwan Dalshad & Khalid Ismail (2019) dan Bayero, Dutse, & Ahmad (2017) menegaskan keperluan kajian kecekapan komputer sendiri terhadap pencapaian pelajar dalam persekitaran institusi pendidikan seperti kolej atau prauniversiti. Manakala Lantushenko et al. (2017) mencadangkan supaya dijalankan kajian yang menggunakan pendekatan bahan bantu mengajar yang berkesan dalam membantu pelajar memahami kemahiran *spreadsheet* supaya pelajar perakaunan mencapai tahap pemahaman dengan lebih jelas. Melihat kepada keperluan yang dinyatakan ini, kajian yang akan dijalankan adalah untuk menguji peranan modul *spreadsheet* sebagai moderator bagi memberi kesan kepada kecekapan komputer sendiri terhadap pencapaian akademik dan minat pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini untuk mencapai objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti Modul *Spreadsheet* Belanjawan adalah satu modul yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi topik Belanjawan.
2. Mengenal pasti hubungan antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik dan minat pelajar menggunakan Modul *Spreadsheet* Belanjawan sebagai moderator.



1.5 Persoalan Kajian/ Hipotesis Kajian

Dari objektif kajian ini, dua persoalan kajian utama telah disediakan untuk menyelesaikan kajian ini. Kajian yang akan dilaksanakan ini diharap dapat menjawab kesemua persoalan kajian berikut:

1. Adakah Modul *Spreadsheet* Belanjawan adalah satu modul yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi topik Belanjawan?
 - a. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pra antara kelas kawalan dan rawatan?
 - b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pasca antara kelas kawalan dan rawatan?
2. Adakah terdapat hubungan antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik dan minat pelajar menggunakan Modul *Spreadsheet* Belanjawan sebagai moderator?
 - a. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik pelajar kumpulan rawatan?
 - b. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kecekapan komputer sendiri dengan minat pelajar kumpulan rawatan?
 - c. Adakah Modul *Spreadsheet* wujud sebagai moderator antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik pelajar kumpulan rawatan?
 - d. Adakah Modul *Spreadsheet* wujud sebagai moderator antara kecekapan komputer sendiri dengan minat pelajar kumpulan rawatan?

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat hipotesis yang ingin dikaji iaitu:



- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pra antara kelas kawalan dan rawatan.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pasca antara kelas kawalan dan rawatan
- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik pelajar kumpulan rawatan.
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecekapan komputer sendiri dengan minat pelajar kumpulan rawatan.
- Ho5 Modul *Spreadsheet* Belanjawan tidak wujud sebagai moderator antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik pelajar kumpulan rawatan.
- Ho6 Modul *Spreadsheet* Belanjawan tidak wujud sebagai moderator antara kecekapan komputer sendiri dengan minat pelajar kumpulan rawatan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ialah bagi menilai sejauhmana kecekapan komputer sendiri pelajar terhadap Microsoft Excel dalam *spreadsheet* dibantu dengan penggunaan Modul *Spreadsheet* sebagai moderator dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar serta minat pelajar dalam memahami keseluruhan topik Belanjawan dengan kemahiran *spreadsheet*. Kajian akan dinilai dari sudut markah ujian pra dan pasca bagi kecekapan komputer sendiri menggunakan Modul *Spreadsheet* untuk topik belanjawan dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan minat pelajar. Kajian ini juga akan menilai dari segi minat pelajar menggunakan Modul *Spreadsheet* untuk topik Belanjawan dalam kelas praktikal Perakaunan 2 AA025 melalui soal selidik bagi membandingkan antara kumpulan



rawatan dan kawalan dalam ujian pasca. Seajar dengan penggunaan dan kemahiran ICT dalam kalangan pelajar seharusnya ditingkatkan kerana kemahiran ICT ini penting dan diperlukan dalam industri Malaysia (Wan Hussain & Fadhilah, 2016).

1.6.1 Pelajar Matrikulasi

Tahap kecekapan komputer sendiri melalui kemahiran *spreadsheet* akan dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dibantu dengan Modul *Spreadsheet* topik Belanjawan. Selain itu, pelajar akan dapat mempraktikkan kemahiran *spreadsheet* dalam menyiapkan tugas perakaunan dan juga menyiapkan diri di peringkat pengajian yang lebih tinggi serta alam pekerjaan kelak. Ini selaras dengan objektif dalam Spesifikasi Kurikulum Perakaunan 2 AA025 iaitu keupayaan untuk menggunakan terminologi perakaunan pengurusan, prinsip, prosedur dan teknik (P3,PLO2,MQFLOD2). Pelajar juga akan dapat mempelajari kemahiran baru semasa kelas praktikal selain format Belanjawan serta akan dapat mewujudkan suasana pembelajaran baru dalam kelas dengan panduan Modul *Spreadsheet* Belanjawan.

1.6.2 Pensyarah Unit Perakaunan

Hasil daripada kajian ini dapat menggunakan Modul *Spreadsheet* Belanjawan secara berkesan dan memudahkan pensyarah perakaunan mengajar di kelas praktikal bagi topik belanjawan. Modul *Spreadsheet* Belanjawan akan dijadikan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) bagi memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran



(PdP). Pensyarah juga akan dibekalkan rancangan pengajaran bagi kelas praktikal bagi memudahkan para pensyarah merancang aktiviti pengajaran. Dengan Modul *Spreadsheet* Belanjawan juga akan memudahkan para pensyarah membuat penilaian bagi topik Belanjawan.

1.6.3 Pihak Kolej Matrikulasi

Seterusnya, kajian ini amat penting bagi pihak Kolej Matrikulasi kerana dapat menghasilkan satu modul pembelajaran yang menyediakan panduan secara terperinci untuk proses pengajaran dan pembelajaran bagi topik belanjawan untuk kursus Perakaunan 2 AA025. Modul *Spreadsheet* Belanjawan yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar seterusnya akan dapat menaikkan prestasi Kolej Matrikulasi.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian ini dibina bagi menunjukkan hubungan antara kecekapan komputer sendiri terhadap pencapaian akademik dan minat pelajar dengan menggunakan Modul *Spreadsheet* Belanjawan sebagai moderator iaitu bahan bantu mengajar di dalam kelas praktikal. Modul *Spreadsheet* Belanjawan ini akan dibina berasaskan Model ADDIE yang akan digunakan dalam kelas rawatan.

Kerangka konseptual ini dibina berdasarkan kerangka teori sosial kognitif Bandura (1989). Teori sosial kognitif menunjukkan melalui tingkah laku pelajar akan

dapat menentukan jangkaan hasil bagi sesuatu pembelajaran. Tingkah laku dilihat dari pembelajaran kemahiran *spreadsheet* yang dibantu dengan penggunaan Modul *Spreadsheet* Belanjawan manakala jangkaan hasil dilihat dari segi peningkatan minat dan pencapaian akademik pelajar.

Bagi Model Penerimaan Teknologi (TAM) Davis, Bagozzi, dan Warshaw (1989), faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap modul yang digunakan iaitu tanggapan kebergunaan (TK) dan tanggapan mudah guna (TMG). Faktor-faktor ini bagi menguji tahap penerimaan pelajar terhadap Modul *Spreadsheet* Belanjawan.

Seiring dengan objektif utama, kajian yang akan dijalankan untuk mengukur tahap dan hubungan kecekapan komputer sendiri, minat dan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga akan melihat kesan penggunaan Modul *Spreadsheet* Belanjawan dalam kelas praktikal sebagai moderator iaitu bahan bantu mengajar di kumpulan rawatan terhadap hubungan antara kecekapan komputer sendiri, pencapaian akademik pelajar dan minat pelajar. Modul *Spreadsheet* Belanjawan diukur melalui faktor-faktor yang akan mempengaruhi penerimaan pelajar iaitu tanggapan kebergunaan (TK) dan tanggapan mudah guna (TMG). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang akan dijalankan bagi mencapai objektif kajian.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

1.8 Definisi Operasi

Beberapa istilah yang akan digunakan dalam kajian ini diterangkan dalam bahagian ini bagi menjelaskan makna dalam konteks kajian lepas. Penerangan definisi istilah adalah seperti berikut:

1.8.1 Kecekapan komputer sendiri

Kecekapan komputer sendiri merujuk kepada keupayaan individu bagi menghasilkan kemahiran yang hendak dicapai. Kecekapan komputer sendiri *spreadsheet* ditakrifkan kepada keupayaan pelajar berkait dengan sesuatu kemahiran komputer yang membantu menyelesaikan tugas-tugas tertentu (Gupta & Bostrom, 2019). Kecekapan komputer ini dikaitkan dengan pengetahuan kemahiran perisian *spreadsheet* yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Adkins, 2011;



Zhwan Dalshad & Khalid Ismail, 2019). Kecekapan sendiri dibawah teori sosial kognitif Bandura (1989) yang telah dikembangkan oleh Compeau & Higgins (1995) dengan memasukkan keupayaan kemahiran komputer dalam mencapai hasil pembelajaran.

1.8.2 Kemahiran *Spreadsheet*

Microsoft Excel adalah *spreadsheet* yang dibangunkan oleh Microsoft untuk Windows, macOS, Android dan iOS yang mempunyai pengiraan, alat grafik, jadual pangsi, dan bahasa pengaturcaraan makro yang dikenali sebagai “Visual Basic for Applications” (Microsoft, 2019). Penyelidik menggunakan *spreadsheet* dalam kajian ini kerana merujuk kepada *spreadsheet* yang ditakrifkan sebagai satu jenis program komputer yang terdapat dalam Microsoft Excel membantu pengguna melakukan fungsi berangka dan menganalisis nombor versi komputer lembaran kerja perakaunan (Software *Spreadsheet*, 2019).

1.8.3 Modul *Spreadsheet* Belanjawan

Modul *Spreadsheet* Belanjawan adalah satu bahan bantu mengajar telah di bina untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran sebagai panduan dalam kelas praktikal. Modul *Spreadsheet* Belanjawan ini digunakan sebagai moderator antara kecekapan komputer sendiri dengan pencapaian akademik pelajar dan minat pelajar. Bahan bantu mengajar ini menggunakan Model ADDIE yang lengkap dengan analisis (analysis), reka bentuk (design), membangunkan (development),





melaksanakan (implement) dan penilaian (evaluation). Modul ini dinilai melalui kebolehpercayaan modul menggunakan model penerimaan teknologi (TAM) dan juga kesahan modul daripada lima orang pakar. Model Penerimaan Teknologi (TAM) merupakan satu model yang dibina untuk menguji faktor-faktor yang mempengaruhi suatu teknologi yang digunakan dalam pembelajaran (Davis et al., 1989). Faktor-faktor tersebut adalah tanggapan kebergunaan (TK) dan tanggapan mudah guna (TMG) yang diuji melalui penggunaan Modul *Spreadsheet* Belanjawan.

1.8.4 Pencapaian Akademik Pelajar

Pencapaian akademik pelajar dinilai melalui hasil output pelajar berdasarkan kemahiran *spreadsheet* untuk topik Belanjawan melalui penilaian sumatif yang akan disemak melalui rubrik yang disediakan dalam panduan skema jawapan. Penilaian tersebut melibatkan ketepatan (*accuracy*) yang ditakrifkan sebagai tahap kecekapan komputer sendiri *spreadsheet* dari segi jawapan pelajar adalah bebas-ralat (*error-free*) atau tepat (Raković, Sakal, & Vuković, 2019). Jawapan pelajar dinilai melalui elemen formula yang dimasukkan tepat dengan format belanjawan dan dokumentasi yang dihantar kepada pensyarah yang terlibat.

1.8.5 Minat Pelajar

Proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan Modul *Spreadsheet* Belanjawan yang berwarna mengikut langkah kemahiran akan menjadi lebih mudah dan dapat menarik minat pelajar dalam memahami kemahiran *spreadsheet*. Minat



pelajar juga dikaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dengan menggunakan kemahiran komputer dalam kelas praktikal. Ini jelas dinyatakan dalam kajian lepas di Politeknik di mana proses pengajaran akan menjadi lebih menarik apabila proses pengajaran disesuaikan dengan minat pelajar supaya tidak timbul ketidakselesaian dan kurang perhatian dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran (Faridah & Afham Zulhusmi, 2019).

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan secara terperinci mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian seterusnya objektif dan tujuan kajian. Secara keseluruhan kajian yang akan dijalankan untuk mengenal pasti tahap kecekapan komputer sendiri *spreadsheet* pelajar dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan minat pelajar terhadap Modul *Spreadsheet* Belanjawan bagi topik Belanjawan untuk kursus Perakaunan 2 AA025 di semester 2. Kajian yang akan dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kuasi eksperimen yang melibatkan pelajar-pelajar kursus Perakaunan semester 2 di Kolej Matrikulasi Pahang. Penjelasan lebih terperinci akan dibincangkan di dalam Bab 2.